

## PENDAHULUAN

Segala puji-pujian bagi Allah s.v.t, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad s.a.w, ahli keluarganya, para sahabat dan sekalian mukmin dan mukminat.

Di dalam kajian ilmiah ini, penulis telah memilih tajuk Muhammad Abdul Wahhab: Satu kajian dari sudut aqidah dan pandangan ulamak Islam dan Barat terhadapnya. Pemilihan tajuk ini kerana penulis merasakan umat Islam pada hari ini masih terkeliru dan salah faham terhadap usaha dakwah Muhammad Abdul Wahhab walaupun sudah berlalu hampir dua abad.

Kebanyakan umat Islam pada hari ini begitu mudah menerima tanggapan buruk terhadap tokoh yang dibincangkan. Tuduhan sesat, murtad, kafir dan sebagainya sering dilontarkan kepada Muhammad Abdul Wahhab dan orang-orang yang cuba mengikut jalan yang dibawanya. Tanggapan seumpama ini menyebabkan umat Islam takut untuk menghampiri dan mengikut dakwah yang diperjuangkan oleh Muhammad Abdul Wahhab.

Dengan sebab itulah penulis berusaha untuk mengkaji dan meneliti sejarah perjuangan Muhammad Abdul Wahhab dan ajaran agidah yang dibawanya. Apakah ia berada di atas kebenaran atau sebaliknya.

Di sini penulis mengakui akan kelemahan dan kekurangan yang terdapat di dalam kajian ini. Ini adalah kerana kajian ini melibatkan seorang tokoh kebangkitan Islam yang sudah tentu memerlukan penelitian yang mendalam dan tepat.

Sebagai akhirnya penulis memohon kepada Allah s.v.t agar kajian ilmiah ini sedikit sebanyak memberi manfaat khasnya buat diri penulis dan orang-orang yang ingin mengambil manfaat darinya. Kebenaran itu datangnya dari Allah dan kekurangan itu dari penulis sendiri.

Wassalam

Oleh:

Mohamad Zaki bin Hamid.

Fakulti Usuluddin

Akademi Islam

Universiti Malaya.